

15 DEC 1997

Sidang-EAEC

PARA PEMIMPIN ASIA TIMUR BERCADANG BERTEMU LAGI

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Para pemimpin Asia Timur yang mengadakan sidang kemuncak pertama mereka di sini membayangkan bahawa mereka mungkin bertemu lagi sebelum Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) yang dijadualkan di London April depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata memandangkan masalah kewangan yang melanda rantau ini, telah dicadangkan bahawa mesyuarat antara Asean dan China, Jepun serta Korea Selatan yang dikenali sebagai Sidang Kemuncak Asean Campur Tiga, diadakan tahun depan atau dua tahun dari sekarang.

"Bagaimanapun disebabkan adanya mesyuarat Asem, mungkin perlu bagi Asean Campur Tiga diadakan sebelum itu," katanya pada satu sidang berita di akhir persidangan itu di sini.

Katanya menteri-menteri telah ditugaskan untuk mengkaji tarikh yang sesuai bagi perhimpunan akan datang untuk membolehkan isu-isu seperti cadangan pengenalan mata wang Eropah dibincangkan.

Dr Mahathir berkata dirasakan mesyuarat di sini amat penting kerana hampir semua negara yang terlibat, terjejas dengan masalah mata wang dan ekonomi.

Perdana Menteri berkata pertemuan itu juga perlu untuk mengetahui sama ada Euro, mata wang tunggal Kesatuan Eropah, akan memberi kesan kepada rantau Asia.

Ditanya sama ada beliau merasakan bahawa mesyuarat itu pada hakikatnya satu "de facto" perhimpunan Perundingan Ekonomi Asia Timur, Dr Mahathir berkata: "Saya fikir orang ramai bebas dalam dunia yang bebas ini untuk mentafsirkan sendiri mesyuarat itu."

Katanya adalah jelas bahawa mereka yang menghadiri persidangan hari ini secara kebetulannya adalah para pemimpin EAEC, satu forum perundingan yang diilhamkan oleh Dr Mahathir pada 1990 yang sejak itu telah menjadi satu projek Asean.

"Tetapi ia bukannya EAEC. Ia hanya satu kebetulan (anggota EAEC)," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak menggelarnya sebagai mesyuarat EAEC.

Mengenai hubungan Asia-Eropah, telah dipersetujui bahawa isu-isu tidak berkaitan yang perlu disegerakan diketengahkan, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata mereka juga setuju bahawa tiada anggota baru akan diterima ke dalam Asem kedua tahun depan dan bahawa perkara itu akan dikaji semula.

Dr Mahathir berkata China, Jepun dan Korea Selatan juga menyokong kuat projek Lembangan Mekong dan Yayasan Asean.

Perdana Menteri juga berkata para pemimpin itu berharap bahawa abad ke-21 harus menjadi "sebuah abad yang lebih adil supaya pengagihan kekayaan lebih sama rata."

Katanya mesyuarat itu juga menarik perhatian kepada keadaan yang dihadapi negara-negara membangun yang telah menjadi lebih buruk semakin hampir berakhirnya abad ke-20.

Dr Mahathir berkata kekayaan negara-negara Asia telah merosot disebabkan pergolakan kewangan dan " ini bukan merupakan satu pencapaian bagi abad ke-20 dan ini tidak harus berada dalam abad ke-21."

Katanya terdapat banyak prospek bagi Asia Timur dalam abad akan datang.

"Jadi, ketua-ketua kerajaan memutuskan perlunya mengkaji implikasi sepenuhnya terhadap semua yang berlaku dalam bidang ekonomi, politik dan

sosial bagi memastikan bagaimana untuk menjadikan abad ke-21 lebih baik untuk seluruh dunia," katanya.

Mengenai suasana mesyuarat hari ini, Dr Mahathir berkata ia amat baik.

"Kami yakin untuk bekerjasama dan membantu antara satu sama lain dan berazam menangani masalah kami," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada Jepun dan China memberi maklum balas terhadap pendekatan sejagat mengenai krisis mata wang ini, Dr Mahathir berkata: "Tiada tawaran dibuat dan tiada juga yang diminta."

"Tetapi saya tidak tahu apa yang akan berlaku apabila Asean bertemu China, Jepun dan Korea Selatan secara berasingan esok," katanya.

Dr Mahathir berkata tiada permintaan dibuat bagi bantuan kewangan daripada China dan Jepun "tetapi kami hanya membincangkan penyelesaian" untuk mengatasi krisis itu. -- BERNAMA

TM RON